

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1988/89  
Mac/April 1989  
HKN305 Fiksyen Melayu Moden  
Masa: [3 jam]

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi LAPAN(8) soalan dalam DUA(2) muka surat.

Jawab EMPAT(4) soalan. DUA(2) soalan daripada Bahagian A dan DUA(2) soalan daripada Bahagian B. Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

**BAHAGIAN A**

1. Watak Salmah di dalam Iakah Salmah? melambangkan seorang gadis moden pada zamannya. Bincangkan pendapat itu berdasarkan perlakuannya di dalam masyarakat dan hujah-hujah yang dikemukakannya sehingga dapat mempengaruhi golongan tua.
2. Latar yang digunakan oleh Ahmad Kotot bersama pokok persoalan di dalam Hikayat Percintaan Kasih Kemudaan telah menyumbang kepada kejayaan novel itu. Kemukakan hujah dan alasan anda yang bernas untuk menyokong atau menentang kenyataan tersebut.
3. Jelaskan sudut pandangan yang digunakan oleh Shahnnon Ahmad di dalam Al-Syagag I. Pada pandangan anda, apakah penggunaan sudut pandangan tersebut berkesan untuk menghidupkan watak-watak penting di dalam novel itu.
4. Bandingkan plot cerpen "Ngayau" dengan plot cerpen "Pecah" yang terdapat di dalam antologi Cerita Seorang Seniman. Perbandingan anda hendaklah tertumpu kepada perkembangan, ketegangan dan kemuncak plot-plot tersebut.

**BAHAGIAN B**

5. Sejauh manakah watak Zakiah di dalam Langit Petang mencerminkan keruntuhan moral kaum wanita di dalam masyarakat? Jawaban anda boleh diperkuatkan dengan mengambilkira watak-watak wanita di dalam novel-novel A. Samad Said yang lain.
  
6. Bincangkan permasalahan politik yang dipersoalkan oleh Alias Ali di dalam Krisis. Pada pendapat anda, adakah isu-isu yang digunakan dan tindakan yang dilakukan oleh tokoh-tokoh politik di dalam novel itu dapat membangunkan masyarakat?
  
7. Cerpen "Dialog Pohon-Pohon" dan cerpen "Menunggu Ratu Adil" di dalam antologi Rumpun Hijau menunjukkan wujudnya konflik dan pertentangan kelas di dalam masyarakat. Berikan pendapat anda berdasarkan pendekatan Sosiologikal.
  
8. Pilih dua(2) buah novel Melayu selepas Perang Dunia Kedua yang telah anda kaji, bincangkan dengan jelas pertentangan manusia dengan manusia dan pertentangan manusia dengan alam di dalam novel-novel itu.